

**PROGRAM PEMUKIMAN PEMANTAPAN PERUNDANGAN
SKIM PERKHIDMATAN
LS JKSNS 2018**

25 – 27hb. April, 2018

Dengan matlamat sebagai platform bagi menyuarakan buah fikiran kakitangan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran serta pengurusan Mahkamah di setiap peringkat, satu **Program Pemukiman Pemantapan Perundangan Skim Perkhidmatan LS JKSNS** melibatkan 64 orang peserta (termasuk Penghantar Notis) daripada 7 daerah Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan telah dilaksanakan pada 25 hingga 27hb. April, 2018.

Program yang bertempat di **Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh, Melaka** selama 3 hari 2 malam ini dipadatkan dengan 4 slot diskusi peserta dan ceramah daripada penceramah jemputan dengan tajuk :

- i. 25hb. April. 2018 : YA Tuan Ahmad bin Lakim (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah WP) - *Permohonan Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan (Permohonan 4 P)* ; dan
- ii. 26hb. April, 2018 : Tuan Shukeri Najib bin Ab. Rahim (Hakim Kanan Mahkamah Rendah Syariah Melaka) - *Prosedur Pernikahan Bawah Umur*.

Pada hari terakhir, para peserta didedahkan dengan ceramah penerangan berhubung '*Pengurusan Pencen*' oleh Penolong Pegawai Tadbir JKSNS, Puan Khairiah binti Hussin. Dengan berakhirnya sesi ceramah tersebut, tirai program dilabuhkan dan perasmian penutup telah disempurnakan oleh YA Tuan Abd. Razak bin Mat Nayan, mewakili YAA KHS Tuan Abas bin Nordin.

Tahniah dan Syabas kepada semua peserta program ini kerana telah memberikan komitmen yang terbaik sepanjang program berlangsung. Semoga hasil yang diperolehi

dapat memberi manfaat dalam meningkatkan kualiti kerja di JKSN agar lebih cemerlang.

*“Yang salah kita betulkan, Yang kurang kita tolong, Yang koyak kita tampal,
Yang lusuh kita perbaharui, Yang lapuk kita kajangi”*

GALERI GAMBAR



